

27 APR 1997

Ramli - Pilihan raya

BN YAKIN PEROLEHI MAJORITI BESAR PADA PILIHAN RAYA KECIL TELUK INTAN

TELUK INTAN, 27 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perak yakin memperolehi majoriti besar pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan pada 17 Mei jika semua parti komponen bekerjasama.

Pengerusi BN Negeri Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata majoriti BN di Teluk Intan telah bertambah. Pada pilihan raya 1982, majoritinya ialah 832 undi, meningkat kepada 1,443 undi pada 1986; 2,111 undi pada 1990 dan 13,968 undi pada pilihan raya lepas pada 1995.

Ramli yang juga Menteri Besar berkata demikian kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada lebih 200 pekerja BN di sini malam tadi.

Kerusi itu kosong berikutan kematian Ong Tin Kim pada 18 April lepas.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 6 Mei sebagai hari penamaan calon dan jika ada pertandingan, pengundian ialah pada 17 Mei.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang sebelumnya mengumumkan bahawa parti itu akan bertanding pada pilihan raya kecil berkenaan.

Ramli, yang juga pengarah operasi BN bagi pilihan raya kecil itu mengingatkan parti komponen supaya tidak menimbulkan masalah atau isu dalaman yang boleh menjejaskan perpaduan dan prestadi BN pada pilihan raya kecil itu.

Walaupun tiada cabaran sengit daripada parti-parti pembangkang, masalah dalaman boleh menyebabkan BN kehilangan kerusi berkenaan oleh itu, perpaduan di kalangan parti-parti komponen adalah perlu, kata beliau.

"Kemenangan BN bergantung kepada keberkesanan kempen yang dijalankan oleh jentera pilihan raya BN dan mereka tidak harus bersikap terlalu yakin memenangi kerusi itu tanpa tentangan, kata beliau.

Beliau menggesa jentera pilihan raya BN bekerja keras bagi menarik pengundi yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik memandangkan mereka-lah yang akan menentukan kedudukan BN di Teluk Intan.

Ramli berkata Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan nama calon BN sebelum hari penamaan calon. -- BERNAMA

LAT FAZ